

Program Maitah Badudun Madani JPWPL Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 22 November 2025 – Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid selaku penganjur utama serta Pengerusi JKPP Kg Patau -Patau 1 dan JKK Kg Patau-Patau 1 sebagai rakan strategik atas penganjuran program berimpak tinggi ini yang menyasarkan 11 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan.

Antara pengisian yg dilaksanakan adalah pengkongsian Dari hati seorang kawan yang disampaikan oleh Adik Nur Ain binti Aripin dari SMK Lajau. Manakala Pn Zaliha binti Mohd Salleh. Ketua Penolong Pengarah. Unit HEM, SPMu turut membentangkan slot Akta Pendidikan 550 Seksyen 29[A] Pendidikan Wajib.

Program Maitah Badudun Madani merupakan inisiatif kolaboratif antara JPWPL, Ketua-Ketua Kampung, PIBG, dan komuniti setempat bagi memastikan murid-murid di Labuan kekal hadir ke sekolah serta tidak tercicir daripada pendidikan. Program ini menekankan pendekatan berfokus komuniti, sokongan keluarga, dan intervensi menyeluruh

bagi menangani isu keciciran murid.

YBrs En Yahya bin Ahmad Puteh Pengarah Pendidikan merasmikan dan memberikan amanat yang bermakna kepada warga yang hadir dalam program ini. Turut hadir barisan Timbalan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Jemputan khas melibatkan Pengetua, Pengerusi JKPP, YDP PIBG, ibu bapa dan murid-murid sekolah menengah.

[#jpwpl](#)

[#7TeraskPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)







